

# DEKAD 80AN PENUH CABARAN

UM 31 AUG 1981  
KUALA LUMPUR 30 Ogos — Da-  
tuk Sri Dr. Mahathir Mohamad  
mahukan semua lapisan rakyat men-  
jadikan dekad 80an sebagai dekad  
menukar sikap, dari memberi keuta-  
maan terhadap diri sendiri kepada  
memberi keutamaan terhadap agama,  
bangsa dan tanahair.

Mereka juga perlu menjadikan dekad lapan puluh  
tahun sebagai dekad dengan tiap individu dan golo-  
ngan gigih berusaha meningkatkan daya pengeluaran  
merekah dan daya pengeluaran semua sektor dan akti-  
viti ekonomi, tambahannya.

Dalam perutusan Hari Kebangsaan ke seluruh  
negara yang disiarkan melalui RTM malam ini, Per-  
dana Menteri berkata tiap rakyat mempunyai tang-  
gungjawab dan peranan yang khusus dan penting  
dalam pembangunan negara.

"Kita mestilah memainkan peranan ini dan  
menunaikan tanggungjawab, dan demi faedah diri  
dan masyarakat pula, setiap rakyat mestilah bekerja  
dengan tekun, jujur dan disiplin," katanya.

Tambahnya, semua orang juga hendaklah men-  
jalankan apa jua kerja yang ditugaskan dengan pe-  
nuh kejujuran dan kesungguhan.

"Soal sama ada orang lain juga bekerja dengan ju-  
jur dan berdedikasi tidak harus merungsingkan kita.  
Yang penting ialah kita sendiri menjalankan tugas  
kita dengan sebaik-baiknya," katanya.

Beliau yakin, sekiranya semua orang menjalankan  
tugas masing-masing dengan sempurna, tidak akan  
ada orang lain yang tidak menjalankan tugas.

"Tetapi, sebaliknya, jika kita menanti-nantikan  
orang lain, maka tiada siapa pun yang akan bermu-  
la," tegasnya lagi.

Dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir  
mengingatkan rakyat supaya sedar tentang penting-  
nya segala sumber termasuk tenaga, masa, fikiran  
dan modal digunakan sepenuhnya untuk menggerak-  
kan negara ini ke tahap pembangunan yang lebih  
tinggi lagi.

Katanya, walaupun kerajaan telah, sedang dan  
akan berusaha bagi membolehkan rakyat memaju-  
kan diri dan memperbaiki kehidupan, faedah-faedah  
pembangunan tidak mungkin dapat dinikmati

sepenuhnya jika mereka tidak bersedia menggu-  
nakan sumber-sumber tersebut itu.

Menyentuh tentang kemajuan negara pula, Per-  
dana Menteri itu berkata, negara ini mahukan ma-  
sarakat yang kaya serta kukuh dengan nilai rohani  
dan kebendaannya yang seimbang.

Menurut beliau, kemajuan ekonomi tidak mempu-  
nyai erti sekiranya rakyat terumbang ambing tanpa  
panduan hidup yang mulia dan keperibadian yang  
tinggi.

## Kerohanian

"Kedua-dua aspek kebendaan dan kerohanian itu  
erat sekali hubungannya dan tidak harus dipisahkan  
dalam pembangunan negara.

dup yang tinggi serta maju dan berkemampuan dari segi rohani dan kebendaan.

Sempena Hari Kebangsaan ke-24 esok, Perdana Menteri menyeru rakyat yang insaf dan bertanggungjawab supaya memperkukuhkan tekad dan azam bukan sahaja untuk mengisi kemerdekaan tetapi juga untuk memeliharanya bagi kita dan generasi akan datang.

"Untuk maksud ini, kita perlu mempunyai semangat cinta akan negara dan kesanggupan serta kemampuan mempertahankannya walaupun dengan nyawa," tegasnya lagi.

Menurut beliau, Malaysia secara amnya sejak merdeka tidak mengalami apa-apa mala petaka besar dan apa jua dugaan telah dapat diatasi dengan jayanya.

Katanya, negara ini telah dapat mengekalkan kedaulatan, keamanan dan kemakmurannya dan kehidupan rakyat keseluruhannya semakin bertambah baik.

"Walaupun ada ketikanya suasana politik dan ekonomi antarabangsa tidak begitu menggalakkan, kita masih dapat mempertahankan kedudukan kita sebagai sebuah negara yang kukuh, aman dan makmur," tambah beliau.

Perdana Menteri juga berkata rakyat harus sentiasa mempunyai pandangan yang jelas tentang masa depan sendiri dan menaruh keyakinan penuh bahawa dengan tekad dan usaha mereka, tidak ada sebab mengapa Malaysia tidak boleh berjaya.

"Kita tidak mahukan masyarakat kita hanya kaya dari segi ekonomi dan mewah dari segi kebendaan tetapi miskin rohaninya dan rendah peribadinya. Begitu juga tidak cukup sekiranya masyarakat kita hanya kaya dengan nilai spiritualnya tetapi daif dari segi ekonomi dan kebendaan," tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa keseimbangan antara kebendaan dan kerohanian bukan sahaja akan memberikan faedah kepada seseorang individu tetapi juga kepada keluarga dan seterusnya kepada masyarakat.

Dengan cara ini, tambahnya, rakyat Malaysia akan menjadi satu bangsa yang kuat dengan ketahanan yang digerakkan oleh keperibadian dan nilai-nilai hi-